

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[SIPITANG]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan Program Klinik Bergerak yang dilaksanakan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak, dan apakah tidak merancang untuk menggantikan perkhidmatan itu dengan memperbanyakkan pembinaan klinik desa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perkhidmatan klinik bergerak disediakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak samada secara darat, air atau udara. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, perkhidmatan Doktor Udara (Flying Doctor Service) diwujudkan bertujuan untuk memastikan perkhidmatan asas diperolehi oleh seluruh penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak terutama yang tinggal di kawasan yang tidak dapat dihubungi dengan kemudahan pengangkutan darat atau pun air. Keistimewaan perkhidmatan ini adalah dimana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan konsep untuk mendekati rakyat.

Pada masa ini terdapat 232 pasukan klinik bergerak sedia ada yang menyampaikan perkhidmatan kesihatan iaitu 103 pasukan di Semenanjung, 28 pasukan di Sabah dan 101 pasukan di Sarawak.

Kedatangan pelanggan yang menikmati perkhidmatan ini semakin meningkat dari 189,886 orang pada tahun 2013 ke 220,386 orang pada tahun 2015 yang menggunakan perkhidmatan ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Perancangan pembinaan fasiliti baru dan naik taraf akan dibuat mengikut keutamaan bagi setiap negeri pada setiap tahun melalui Rancangan Malaysia.

KKM telah merancang untuk menaik taraf klinik desa (KD) sedia ada kepada klinik kesihatan (KK) secara berfasa bertujuan untuk meningkatkan kesaksamaan perkhidmatan kesihatan di antara kawasan bandar dan luar bandar dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan primer yang lebih komprehensif dengan fasiliti dan infrastruktur yang jauh lebih lengkap. Pada masa ini, mengikut polisi KKM tiada lagi pembinaan klinik desa di bawah RMK-11.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD [ SIPITANG ]**

**SOALAN : 542**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan cadangan untuk memperkenalkan mekanisme baharu bagi meningkatkan tahap keselamatan di lapangan terbang di negara ini, susulan insiden serangan di lapangan terbang seperti Turki dan Belgium.

## JAWAPAN

Yang Berhormat,

Bagi meningkatkan tahap keselamatan lapangan terbang di seluruh Negara, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Penerbangan Awam telah mengeluarkan Pekeliling Keselamatan Penerbangan Awam pada 30 Mac 2016 kepada operator lapangan terbang, syarikat penerbangan dan pengendali darat untuk mempertingkatkan tahap kawalan keselamatan dari Tahap 1 (*Low/Green*) ke Tahap 2 (*Medium/Amber*). Pekeliling ini adalah selari dengan *National Civil Aviation Security Programme* (NCASP) di bawah Tajuk 6.

Selain itu, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) selaku operator lapangan terbang juga telah mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi tahap kawalan lapangan terbang di seluruh Negara seperti memperketatkan lagi pengawasan di dalam dan luar bangunan terminal, kawasan pemeriksaan penumpang serta mengawal pemberian pas keselamatan kepada pekerja-pekerja luar dan pelawat.